

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1531-MQT2621
Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kebelakangan ini bilangan pelancong yang masuk ke negara kita kian meningkat dengan kadar yang memberangsangkan. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memastikan '*chartered flights*' yang membawa pelancong ke dalam negara akan menyumbang kepada peningkatan bilangan pelancong dan seterusnya membantu dalam meningkatkan ekonomi negara.

2. PR-1531-MQT2623
Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah mekanisme penyelarasan antara agensi yang dilaksanakan untuk menghadapi musim kemarau di mana banyak kawasan menghadapi masalah kekurangan air dan sejauh mana usaha memanfaatkan air banjir sebagai persiapan menghadapi kemarau terutama di negeri-negeri yang memerlukan.

3. PR-1531-MQT2630
Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan hala tuju dan pendekatan baharu yang sedang dirangka oleh Kerajaan hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang telah diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024 bagi melonjakkan lagi tahap sosio ekonomi Bumiputera menerusi pelbagai bidang dan sektor agar terus berdaya saing.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L22966
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
 - (a) statistik penglibatan orang ramai di platform aduan yang telah disediakan berhubung isu bekalan dan harga barangan asas; dan
 - (b) sejauh manakah persediaan yang dilakukan supaya tidak timbul isu tersebut menjelang hari perayaan utama seperti Aidilfitri, Deepavali dan Tahun Baru Cina.
2. PR-1531-L23947
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah gerabak penumpang ETS oleh kerana permintaan pengguna ETS semakin meningkat terutamanya penumpang yang ingin ke Perlis bersempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

3. PR-1531-L22858
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menangani segera masalah capaian internet yang masih lemah di kawasan Kukup dan Ayer Masin memandangkan selain kewujudan pintu masuk antarabangsa, terdapat juga Kolej Vokasional dan sekolah di kawasan berkenaan yang memerlukan kadar capaian internet yang memberangsangkan bagi tujuan pendidikan.
4. PR-1531-L23965
Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penggubalan Akta Pendanaan Politik selepas ia dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Dewan Rakyat dan nyatakan sasaran untuk ia dibentangkan di Dewan Rakyat.
5. PR-1531-L22711
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah akan dilakukan pelaksanaan terhadap pindaan Akta Pengangkutan Jalan yang telah diluluskan beberapa tahun lalu yang akan memasang alat timbang berat yang sofistikated di Lebuhraya Pasir Gudang untuk mencegah kerosakan lebuhraya dari angkara lori-lori lebih muatan yang menjadi punca utama kerosakan di lebuhraya itu.
6. PR-1531-L23388
Dato' Khair bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) termasuk penyelenggaraan infrastruktur di kawasan RKAT demi menjamin kebajikan dan kesejahteraan mereka.
7. PR-1531-L22920
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dalam pengusahaan ladang seperti kelapa sawit melalui pengaplikasian teknologi.
8. PR-1531-L24341
Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dan tindakan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu dan mengelakkan individu-individu Islam yang bekerja di premis-premis yang menjual arak terlibat dalam aktiviti penjualan arak dan yang berkaitan dengan arak.

9. PR-1531-L23470
Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Malaysia berhasrat untuk memohon menganjurkan Piala Thomas 2026 memandangkan tiada negara yang berminat untuk menganjurkannya.
10. PR-1531-L24108
Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan fungsi dan pencapaian Majlis Ekonomi Digital Negara (MED4IRN) sepanjang tahun 2023.
11. PR-1531-L23203
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan untuk memberi bantuan kepada golongan gelandangan yang semakin bertambah di kawasan sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur.
12. PR-1531-L24189
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah berperanan dengan berkesan khususnya dalam menangani masalah kartel dalam rangkaian pengedaran tempatan dan pengimportan barangan berasaskan makanan.
13. PR-1531-L22994
Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan bomba dan penyelamat kepada Negeri Sarawak, di mana bilangan balai bomba dan penyelamat (BBP) sedia ada iaitu 38 buah balai secara realitinya adalah tidak mencukupi bagi menampung keseluruhan kawasan di Sarawak yang berkeluasan 124,450 kilometer persegi.
14. PR-1531-L23403
Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam penyediaan dan pembangunan *e-sport* di kawasan luar bandar memandangkan *e-sport* kini adalah sukan yang amat diminati oleh golongan belia termasuklah di kawasan luar bandar.

15. PR-1531-L22915
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pertimbangan semasa Kementerian dalam menggubal *lemon law* terhadap industri automotif bagi melindungi hak pengguna sepanjang tempoh jaminan selepas membuat pembelian kenderaan dan sejauh manakah kajian kebolehlaksanaan terhadap cadangan ini telah dilaksanakan.
16. PR-1531-L24021
Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perancangan Kerajaan dalam melaksanakan pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya.
17. PR-1531-L23477
Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
 - (a) status kejayaan program TVET Preneur untuk pelatih-pelatih termasuk graduan ILKBS; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan tahap celik digital termasuk pemasaran digital dan e-perdagangan dalam kalangan usahawan belia.
18. PR-1531-L23990
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengguna pakai konsep *first mile-last mile* bagi meningkatkan kesalinghubungan antara pelbagai kemudahan awam sekali gus dapat memaksimumkan impak penggunaan pengangkutan awam negara.
19. PR-1531-L23253
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah pencerobohan kapal asing di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia (2020 - 2023). Apakah kemajuan dan pendirian Malaysia dalam rundingan Kod Tatalaku (CoC) di Laut China Selatan antara ASEAN dan China untuk keamanan dan kestabilan serantau serta usaha Malaysia dalam menjamin kedaulatan di Kepulauan Spratly.
20. PR-1531-L23927
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi pihak Kerajaan mengenai pengumuman berkenaan pengambilan pegawai Kerajaan secara kontrak sebelum memuktamadkan satu proses baharu lantikan penjawat awam.

21. PR-1531-L23270

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan Kerajaan untuk menyemak semula Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan khusus bagi mengangkat peranan pentadbiran-pentadbiran negeri demi menyuburkan dan merealisasi prinsip federalisme yang lebih adil dan saksama. Adakah Kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan negeri-negeri agar tidak hanya bergantung kepada pendapatan cukai tanah.

22. PR-1531-L24116

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa peranan Kementerian dalam memastikan cawangan D'MART di 201 FELDA seluruh negara dapat dihidupkan kembali.

23. PR-1531-L23193

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemungkinan akan berlakunya penurunan produktiviti atau sektor awam menjadi kurang menarik jika tiada peningkatan gaji atau skim caruman KWSP untuk penjawat awam jika penghapusan skim pencen bakal dilaksanakan.

24. PR-1531-L23921

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan di sebalik langkah Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menarik balik larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina dan apakah status kuat kuasa garis panduan penjualan arak di Wilayah Persekutuan.

25. PR-1531-L22986

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini Persatuan Bomba Sukarela (PBS) di Parlimen Bentong:-

- (a) jumlah PBS yang telah menerima elaun khas, peralatan, kelengkapan serta aset tambahan; dan
- (b) langkah-langkah bagi menaikkan kuota insuran kelompok bagi ahli-ahli PBS.

26. PR-1531-L24064

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meningkatkan kuota pengeluaran minyak masak bersubsidi susulan kebenaran pembelian turut diberikan kepada warga asing.

27. PR-1531-L23173

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) status pembentangan RUU Sewaan Kediaman bagi melindungi penyewa dan pemilik hartanah; dan
- (b) adakah RUU yang dicadangkan akan mengatasi aduan diskriminasi kaum terhadap bakal penyewa.

28. PR-1531-L23962

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah laporan polis telah dibuat dan apa tindakan Kerajaan berkaitan kebocoran maklumat kepada media melalui 'sumber' yang sering berlaku di SPRM kerana ini menimbulkan persoalan mengenai integriti SPRM sendiri.

29. PR-1531-L23266

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk bekerjasama menubuhkan Lembah Klang Raya di negeri Selangor. Adakah Kerajaan dapat memberikan kelulusan Zon Ekonomi Khas bagi Lembah Klang Raya sekiranya menepati kriteria yang diperlukan.

30. PR-1531-L23390

Dato' Khair bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pertahanan untuk memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) supaya dapat memudahkan penyaluran bantuan kepada warga veteran ATM.

31. PR-1531-L23427

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah dan senaraikan lima (5) sebab utama anggota tentera ditamatkan perkhidmatan dari tahun 2020 hingga 2024.

32. PR-1531-L23919
Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah bagi mengekang penyebaran Islam liberal yang berselindung di sebalik program wacana dan dialog.
33. PR-1531-L24012
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan implikasi kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan disebabkan oleh keputusan secara sela-menyela (*flip flop*) berhubung pemansuhan dan penubuhan semula Kementerian Wilayah dan jelaskan justifikasi keputusan tersebut dilakukan.
34. PR-1531-L23159
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini kod etika dan tadbir urus bagi Kecerdasan Buatan (AI) dan bagaimana ia selari dengan National Artificial Intelligence (AI) Roadmap 2021-2025.
35. PR-1531-L22959
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk menangani masalah lambakan operasi perniagaan tanpa kebenaran oleh warga asing di seluruh negara yang kian menular dan menjejaskan para peniaga tempatan.
36. PR-1531-L23929
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) perancangan baharu Kerajaan untuk menggantikan sistem pencen sedia ada; dan
(b) adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji penjawat awam berikutan pemansuhan skim pencen.
37. PR-1531-L23234
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila akan diadakan tempat kemudahan perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor untuk Puspakom di Lawas.

38. PR-1531-L24055

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah diambil oleh Kementerian atau pertubuhan bukan Kerajaan untuk memberi kesedaran awam kepada remaja penggunaan media sosial secara berhemah; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam menyekat iklan di media sosial yang berbau lucah dan *scammer* yang kian berleluasa.

39. PR-1531-L23902

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah garis panduan yang boleh diguna pakai untuk menyekat individu dalam penggunaan media sosial yang melibatkan *Tiktok* dan Facebook.

40. PR-1531-L24097

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

41. PR-1531-L23283

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah reaksi Malaysia di peringkat global terhadap tindakan beberapa buah negara yang bertindak menggantung pembiayaan terhadap Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) sehingga mengakibatkan operasi bantuan kemanusiaan di Gaza terhenti.

42. PR-1531-L23451

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rasional pelan penjualan Affin Bank Berhad kepada mana-mana pihak memandangkan Affin Bank Berhad adalah satu-satunya entiti pelaburan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang berjaya mencatat keuntungan setiap tahun dan keuntungannya adalah jaminan utama keuntungan dividen yang dibayar kepada pencarum tentera di LTAT.

43. PR-1531-L23428
Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai jumlah tanggungan bantuan perubatan yang dibelanjakan oleh Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bagi membiayai kos-kos perubatan anggota Veteran Tidak Berpencen untuk tahun 2023 dan 2024 serta jumlah veteran yang telah menerima manfaat ini.
44. PR-1531-L23206
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab musabab pencen anggota perkhidmatan awam akan dimansuhkan sedangkan negara mempunyai dana kumpulan wang amanah negara yang menjaga kebajikan para pesara.
45. PR-1531-L23436
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perincian mengenai syarat serta insentif yuran mengikuti latihan sukan yang akan diberi pelepasan cukai seperti yang terkandung dalam Belanjawan 2024.
46. PR-1531-L24028
Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang dilakukan bagi menyelesaikan projek rumah yang dikategorikan sakit dan terbengkalai terutamanya yang melebihi daripada 10 tahun.
47. PR-1531-L23239
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan sistem LRT, MRT, Komuter, ETS, Monorel serta kos penyelenggaraan tahunan untuk setiap sistem tersebut.
48. PR-1531-L24010
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan laporan dan dapatan kajian terkini yang telah dilakukan bagi menangani harga makanan dan kos sara hidup di bawah Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).
49. PR-1531-L23229
Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan bagi penyediaan ruang pejabat dan tempat kediaman yang mencukupi untuk pegawai-pegawai Persekutuan di Lawas.

50. PR-1531-L23820

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapakah jumlah pusat khidmat pelanggan 'Unifi Store' atau sebelum ini dikenali sebagai TMpoint yang bakal ditutup dan apakah kesannya kepada pekerja-pekerja yang terlibat.

51. PR-1531-L23192

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan pengambilan penjawat awam secara kontrak dan juga pertukaran skim pencen kepada skim KWSP ini akan melibatkan semua sektor termasuk sektor kritikal dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pertahanan awam.

52. PR-1531-L24004

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan mekanisme baru Bantuan Kewangan Haji (HAFIS) yang lebih menjamin faedah bersama antara Lembaga Tabung Haji dan juga pendeposit daripada golongan M40 dan T20 mengambil kira sumbangan besar kedua-dua golongan tersebut ke dalam dana Tabung Haji.

53. PR-1531-L23017

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) jumlah tiang telekom di Sabah khususnya di Kota Belud yang akan dibaiki atau dibina baru; dan
- (b) tindakan Kementerian bagi mengatasi kes kecurian kabel di Sabah yang semakin membimbangkan.

54. PR-1531-L22725

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah graduan terkini di semua Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan nyatakan secara terperinci bagi peluang kebolehpasaran pekerjaan bagi graduan ini.

55. PR-1531-L23468

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasional untuk meletakkan had umur maksima 15 tahun untuk acara Ping Pong untuk SUKMA 2024.

56. PR-1531-L23985
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk memberikan penyelesaian kepada permasalahan para pemandu *P-Hailing* yang dibangkitkan berkenaan kadar bayaran upah baharu yang mengalami penurunan drastik, sedangkan permintaan perkhidmatan *P-Hailing* ini tinggi.
57. PR-1531-L24083
Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju Dasar Perumahan Negara pada masa kini kerana jika dilihat, rumah mampu milik untuk golongan B40 dan juga M40 masih tidak mampu memenuhi permintaan di pasaran.
58. PR-1531-L23964
Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan semakan hukuman mati mandatori yang telah dikemukakan kepada mahkamah, apakah Kerajaan berhasrat untuk memberikan ruang kepada keluarga mangsa untuk turut terlibat dalam proses undang-undang memandangkan terdapat penjenayah yang terlibat dengan perlakuan jenayah yang kejam dan zalim turut dilepaskan.
59. PR-1531-L23243
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang wajar diperuntukkan untuk mewajibkan Peguam Negara memberi alasan yang kukuh apabila membuat keputusan untuk menghentikan pertuduhan jenayah terhadap mana-mana orang yang kena tuduh terutamanya dalam kes berprofil tinggi.
60. PR-1531-L23500
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan mekanisme penggabungan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024.
61. PR-1531-L23946
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terkini kebenaran kenderaan persendirian Thailand yang membawa pelancong asing atau tempatan masuk ke negara ini melebihi dua kilometer dari pintu sempadan dan pertimbangan semula atas keperluan yang sudah berubah.

62. PR-1531-L23008

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah kawalan Kementerian untuk membendung dan mengawal kebocoran data peribadi di internet memandangkan kedudukan Malaysia berada pada tangga ke-11 negara paling ramai data pengguna yang diceroboh menurut sebuah syarikat keselamatan siber, Surfshark dan kebocoran data peribadi di *open-source* yang dilakukan oleh orang awam sendiri.

63. PR-1531-L22937

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan harga barang makanan asas menjelang musim perayaan Hari Raya dan Gawai Dayak di Sarawak. Apakah Kementerian akan mengadakan lebih banyak Program Jualan Rahmah untuk membantu rakyat terutamanya di kawasan luar bandar seperti Parlimen Tanjong Manis.

64. PR-1531-L24059

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) susulan daripada desakan pihak tertentu agar ia dilaksanakan dengan bermula di ibu negara Kuala Lumpur.

65. PR-1531-L22708

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu negara Palestin menjadi anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

66. PR-1531-L23956

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian peruntukan RM1.6 bilion untuk pembangunan negeri Kedah yang telah diumumkan Perdana Menteri pada tahun lepas.

67. PR-1531-L23170

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang isu tapak sampah haram di Bandar Mahkota Cheras dan Twin Palms Sungai Long iaitu:-

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengatasi aduan pencemaran udara dan bau busuk; dan

- (b) bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada PBT.
68. PR-1531-L23226
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu pemansuhan pencen penjawat awam baharu dan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menawarkan gaji yang setaraf dengan sektor swasta jika pencen penjawat awam dimansuhkan.
69. PR-1531-L23361
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jika Kementerian telah mengambil langkah wajar dalam membuat pertemuan dengan kedutaan dan pesuruhannya tinggi asing di negara ini bagi meyakinkan mereka untuk menyemak semula nasihat perjalanan semasa rakyat mereka ke Pantai Timur Sabah, yang mana ia telah menjejaskan pembangunan ekonomi secara negatif, terutamanya industri pelancongan.
70. PR-1531-L24062
Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dengan kerjasama negara lain bagi memfailkan kes pembunuhan beramai-ramai secara terancang terhadap rakyat Palestin yang dilakukan oleh rejim Israel ke muka pengadilan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).
71. PR-1531-L23282
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan urusan kajian persempadanan semula negeri Sabah pada masa terdekat memandangkan tempoh persempadanan sedia ada akan berakhir pada tahun 2025.
72. PR-1531-L23993
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bentuk kerjasama antara Malaysia dengan Kerajaan Vietnam bagi menangani pencerobohan perairan negara oleh nelayan Vietnam sebagaimana dipersetujui dalam pertemuan antara YAB Perdana Menteri dengan Presiden Vietnam pada November tahun lepas.

73. PR-1531-L24081

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian ingin memperkenalkan satu rang undang-undang baharu bagi mengekang monopoli pemilikan rumah oleh golongan T20 yang menyebabkan golongan M40 dan B40 yang masih tidak mempunyai rumah dapat memiliki rumah sendiri.

74. PR-1531-L23881

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bantuan RM100,000 bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) setiap kampung, berapa jumlah yang sudah menerima bantuan ini dan apa mekanisme ketentuan projek dan penyaluran kewangan yang dilakukan.

75. PR-1531-L23004

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat pemilikan rumah generasi kedua FELDA di tapak tanah generasi pertama bagi mengelakkan penghijrahan keluar anak-anak peneroka.

76. PR-1531-L23023

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) peratusan perbelanjaan sebenar peruntukan pembangunan (DE) di Sabah bagi setiap "*rolling plan*" (RP) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dan Rancangan Malaysia ke-12; dan
- (b) jumlah dan jenis-jenis projek yang mengalami kelewatan "*take off*" berbanding perancangan RP asal.

77. PR-1531-L23169

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan 'ID Digital' akan dibuat secara mandatori atau pilihan ke atas seluruh rakyat Malaysia dan bagaimana tentang keselamatan data-data peribadi pengguna 'ID Digital'. Adakah kerahsiaan data-data peribadi individu tersebut dijamin selamat oleh Kerajaan. Bagaimanakah proses pemberian 'ID Digital' ini.

78. PR-1531-L24013

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan bagi memastikan tiada golongan penerima E-Kasih tercicir disebabkan pengenalan sistem PADU.

79. PR-1531-L24237

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjimatan yang dijangka akan diperoleh oleh Kerajaan apabila skim pencen penjawat awam baru dihapuskan.

80. PR-1531-L24276

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan untuk mengasingkan sisa makanan (sisa basah) daripada sisa buangan pepejal lain semasa menggunakan kaedah pembakaran sampah *Waste-to-Energy (WTE)*, sebagai satu langkah untuk memastikan pengurusan sisa buangan yang lebih mampan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (6 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 7. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

13. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

14. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

15. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

16. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

17. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

18. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

20. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

21. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
07.03.2024 (Khamis)	1. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	1. Kualiti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Perlu Ditingkatkan 2. Penaiktarafan Infrastruktur dan Fasiliti Parkir di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar	1. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat 2. YB Menteri Kesihatan
	2. YB Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)	3. Pembinaan Padang Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Kuala Krai 4. Pembinaan Dewan Serbaguna Sekolah Kebangsaan Banggol Guchil, Kuala Krai	3. YB Menteri Pendidikan 4. YB Menteri Pendidikan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**